

BUKU PROGRAM




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Evolusi PEGAGAGA KETUM &

Dalam Sistem Perubatan Tradisional Malaysia

31 MEI 2023 | AL BIRUNI 1
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang



Mohd Ilham Adenan

SYARAHAN PROFESOR

U
I
T
M



PROFIL

PROFESOR Ts. DR. MOHD ILHAM ADENAN

Mohd Ilham Adenan merupakan seorang profesor di Fakulti Sains Gunaan sejak tahun 2014. Beliau dilahirkan di Temoh, Perak dan mendapat pendidikan awal di Penang Free School. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (1987) dan Sarjana Falsafah (1991) daripada Universiti Malaya, sebelum memperolehi Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Okayama, Jepun pada tahun 1996 dalam bidang kimia bioaktif dan produk semulajadi. Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 1996, di Institut Farmasutikal dan Nutrasutikal (iPharm), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebelum memulakan khidmat di UiTM. Sejak tahun 2019, beliau dilantik sebagai Rektor, UiTM Cawangan Pahang.

SINOPSIS SYARAHAN

Pegaga atau nama saintifiknya *Centella asiatica* sudah secara turun temurun dimakan sebagai ulam dan juga digunakan di Malaysia sebagai ubat tradisional untuk membantu merawat berbagai jenis penyakit seperti penyakit darah tinggi, merawat luka, rawatan untuk penyakit berkaitan fungsi otak dan agen untuk mengurangkan keradangan serta agen awet muda. Penemuan kajian saintifik telah membuktikan bahawa pegaga memiliki kesan farmakologi dan terapeutik yang boleh dikembangkan sebagai produk farmaseutikal. Perkembangan ini telah meletakkan pegaga antara herba yang banyak terdapat dalam pasaran dalam bentuk persediaan herba, kapsul, dan tonik yang menjadi suplementari penjagaan kesihatan.

Selain dari pegaga, ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna speciosa* pula merupakan tumbuhan yang juga secara tradisionalnya, digunakan sejak berzaman sebagai minuman pemulih tenaga, disamping digunakan juga untuk rawatan penyakit seperti darah tinggi, batuk, sakit otot dan cirit birit. Penyalahgunaan ketum terutamanya oleh penagih dadah telah menyebabkan ketum diisytiharkan sebagai bahan larangan mulai Januari 2003 di bawah Akta Racun 1952 di bawah Peraturan Kawalan Psikotropik. Walaubagaimanapun, penyelidikan dan kajian saintifik terhadap ketum yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik tempatan dan antarabangsa telah menghasilkan penemuan-penemuan saintifik bagi pembuktian keberkesanan ketum antaranya sebagai agen untuk meningkatkan tahap daya tahan sakit, agen anti keradangan dan rawatan untuk pesakit opioid kronik bagi merawat gejala tarikan morfin dan heroin. Dalam masa yang sama, kajian terhadap ketoksikan dan kesan sampingan ketum yang melibatkan kesan ketagihan juga telah dijalankan dan kerap diperdebatkan dalam kalangan komuniti saintifik. Memandangkan ketum masih lagi dikawal di bawah Akta Racun 1952, kemajuan dan pembangunan ketum sebagai agen terapeutik berpotensi agak terencat disebabkan oleh status perundangannya. Naskah kecil ini cuba mendedahkan kepada pembaca tentang hasil kajian saintifik penulis dan kumpulan penyelidikannya, perkembangan semasa serta perbincangan mengenai halatuju penyelidikan dan masa depan yang melibatkan pegaga dan ketum.



**ATURCARA
MAJLIS SYARAHAN PROFESOR
PROFESOR Ts. DR. MOHD ILHAM BIN ADENAN**

31 MEI 2023 (RABU)

**AUDITORIUM AL BIRUNI 1
UiTM CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENGA**

MASA	PERKARA
9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none">• Ketibaan Jemputan• Ketibaan Jemputan Khas
9.50 pagi	Perarakan Masuk Jemputan Khas dan Prof. Ts. Dr. Mohd Ilham bin Adenan
10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none">• Nyanyian Lagu “Negaraku”• Nyanyian Lagu Negeri Pahang “Allah Selamatkan Sultan Kami”• Nyanyian Lagu “Wawasan Setia Warga UiTM”• Bacaan Doa• Ucapan Aluan Pengacara Majlis• Ucapan Aluan dan Pengenalan Prof. Ts. Dr. Mohd Ilham bin Adenan oleh Dekan Fakulti Sains Gunaan, Prof. Dr. Hjh. Farida Zuraina binti Mohd Yusof• Tayangan Montaj
10.30 pagi	Sesi I : Syarahan Profesor Tajuk: Evolusi Pegaga dan Ketum dalam Sistem Perubatan Tradisional Malaysia.
11.00 pagi	Persembahan
11.05 pagi	Sesi II : Syarahan Profesor
11.35 pagi	<ul style="list-style-type: none">• Penyampaian Cenderamata• Sesi Bergambar• Lawatan ke Pameran
12.00 tengah hari	<ul style="list-style-type: none">• Jamuan Makan Tengah Hari• Bersurai